



Headline	Arul mahu UniKL bangkit		
MediaTitle	Kosmo		
Date	03 May 2013	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	115,967
Page No	60	Readership	406,000
Language	Malay	ArticleSize	213 cm <sup>2</sup>
Journalist	NOR AZIRAN YUNUS	AdValue	RM 1,852
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,556



# Arul mahu UniKL bangkit

NOR AZIRAN YUNUS

**SKUAD** hoki Universiti Kuala Lumpur (UniKL) ditagih untuk menampilkan aksi lebih agresif menjelang perlawanan suku akhir kedua Piala Tenaga Nasional Berhad (Piala TNB) menentang Sapura di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil hari ini.

Jurulatih UniKL, Arul Selvaraj (**gambar kecil**) menegaskan bahawa pasukannya tewas 2-3 kepada Sapura pada pertemuan pertama kelmarin disebabkan mereka memberi terlalu banyak ruang kepada lawan untuk bergerak, serta tidak yakin kepada diri sendiri.

Kata Arul, pada aksi suku akhir pertama itu, pemain-pemain

UniKL hanya berlari apabila mendengar dia menjerit dari luar padang, dan beliau mahu melihat pada pertemuan kedua sikap seperti itu tidak akan berulang.

Dia mahu melihat mereka tampil lebih agresif dan menguasai segenap penjuru padang.

"Pemain-pemain saya juga nampak 'malas' berlari dalam pertemuan itu, dan untuk aksi kedua Jumaat ini (hari ini), saya

mahu mereka tampil agresif dan membuka ruang di segenap

penjuru padang. "Jika mereka menggunakan setiap penjuru padang serta bermain dengan penuh keyakinan, tidak mustahil kami akan mara ke separuh

akhir," kata Arul. "Saya yakin kami mampu mengatasi agregat 3-2 yang kini memihak kepada Sapura, kami bangkit dengan misi melangkah ke separuh akhir."

Selain pertemuan UniKL dengan Sapura, perlawanan hari ini turut menyaksikan pertemuan antara TNB menentang Terengganu Hockey Team (Terengganu HT).

Pada pertemuan pertama, TNB menewaskan Te-

rerengganu HT 3-2.

Sementara bagi saingan suku akhir kedua Piala Presiden pula menyaksikan Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) menentang Universiti Tenaga Nasional (Uniten KPT) dengan keputusan kini memihak 3-2 kepada MBI.

Satu lagi pertemuan menyaksikan Sunday 20/30 mempunyai kelebihan 5-2 ke atas Sekolah Sukan Tengku Mahkota Ismail (SSTMI).



**PEMAIN** UniKL diingatkan agar tampil lebih agresif pada aksi kedua menentang Sapura hari ini.

